



## **KENYATAAN RASMI PEMATUHAN KAWALAN DAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) CEGAH PENULARAN COVID-19**

1. Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menerima kemasukan pelajar secara berperingkat mulai 6 hingga 21 Mac 2021 termasuk pelajar dari Borneo dengan jumlah pelajar yang dibenarkan masuk kampus seramai 4,028 orang pelajar.
2. Pihak UMP menghargai komitmen pelajar yang telah menjalani saringan kesihatan di Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dan berjaya menjalani sesi isolasi selama sepuluh (10) hari di residen pelajar yang telah ditetapkan.
3. Berdasarkan perkembangan situasi penularan Covid-19 semasa, UMP ingin menasihati warga UMP agar terus patuhi saranan dan nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu elakkan kawasan yang sesak, sempit dan sembang dengan jarak yang dekat (3S). Terus amalkan kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*wash*), memakai pelitup separuh muka di tempat awam atau jika bergejala (*wear*), dan amaran dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang lebih berkonsep peringatan (*warn*).
4. Warga universiti juga diingatkan agar sentiasa patuh kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan pihak kerajaan dan universiti sebagai norma baharu demi memelihara kesejahteraan warga kampus. Pihak UMP akan terus memantau perkembangan penularan dalam UMP melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak KKM.
5. Bagi yang memerlukan keterangan lanjut, boleh menghubungi talian 09-549 3333 (UMP Kampus Gambang) dan 09-424 6999 (UMP Pekan) untuk mendapatkan sebarang khidmat nasihat dan prosedur yang berkaitan.

**Dikeluarkan oleh:  
Unit Komunikasi Korporat  
Pejabat Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang**

**12 April 2021**